

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, August 25, 2019 3:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CeTMA Pupuk Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Kanak-Kanak



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 OGOS 2019 / 24 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CeTMA

CeTMA PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN KANAK-KANAK



UUM ONLINE: Menjelang sambutan Hari Kebangsaan tidak lama lagi, Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) telah menganjurkan Program Penghayatan Kemerdekaan 2019 melibatkan 29 kanak-kanak Tabika Kemas Taman Universiti, baru-baru ini.

Pengarah CeTMA, Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat berkata, objektif utama program diadakan adalah bagi menerapkan nilai-nilai murni seperti meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara.

Menurutnya, setiap tahun CeTMA akan mengadakan program bersempena Hari Kemerdekaan negara, justeru bagi memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini, pihaknya telah memilih Tabika Kemas Taman Universiti untuk mengadakan Program Penghayatan Kemerdekaan 2019.

“Kanak-kanak perlu diberikan pendedahan awal tentang erti kemerdekaan semenjak usia muda lagi kerana perkara ini penting bagi proses pembinaan negara pada masa hadapan.

“Program sebegini mampu meningkatkan semangat cinta dan sayangkan negara dalam kalangan kanak-kanak di sini,” katanya.

Tambahnya, aktiviti itu merupakan sebahagian program masyarakat untuk membina jaringan kerjasama dengan masyarakat sekitar dan CeTMA akan terus memberikan sumbangan kepada masyarakat atau golongan yang memerlukan melalui penganjuran program seperti ini.

Program dimulakan dengan sesi senamrobik, nyanyian lagu-lagu patriotik dan pertandingan mewarna bertemakan kemerdekaan.

Sementara itu, guru tabika, Habibah Hussain berkata, pengurusan Tabika Taman Universiti sentiasa membuka peluang dan kerjasama kepada mana-mana pihak yang ingin mengadakan program bersama kanak-kanak di situ.

Menurutnya, sebelum ini, banyak pihak telah datang untuk mengadakan pelbagai program di sini termasuk daripada UUM, malah kami juga dijemput untuk menghadiri program yang diadakan di dalam kampus UUM.

“Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan yang memberikan kebaikan dan pendedahan awal kepada kanak-kanak ini di awal usia lagi.

“Pada masa yang sama, tabika ini memerlukan sukarelawan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di sini,” katanya selepas sesi penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.